

Dr M puji Petronas raih hak minyak

di Iraq BH-13/12/2009

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menyambut baik perkembangan membabitkan Petronas dan Royal Dutch Shell (Shell) yang memperoleh hak membangunkan satu daripada lapangan minyak terbesar di dunia yang belum diterokai di Iraq.

Beliau berkata, walaupun keadaan di Iraq masih belum stabil, jika benar Petronas mendapat hak itu maka ia perlu diteruskan.

"Kalau benar dia (Petronas) dapat (hak) konsesi begitu baik, Petronas teruskanlah... teruskan bersama-sama dengan Shell saya fikir.

"Tetapi, keadaan di Iraq itu pada pendapat saya belum stabil lagi," katanya selepas menyampaikan ucapan sempena Konvensyen Alumni 2009 Universiti Utara Malaysia (UUM) di sini, semalam.

Semalam akhbar melaporkan Petronas dan Shell memperoleh hak untuk membangunkan satu daripada lapangan minyak terbesar dunia yang masih belum diterokai di Iraq ketika negara itu mengadakan bidaan kedua kontrak minyaknya sejak pencerobohan Amerika Syarikat (AS) pada 2003.

Malah, Menteri Minyak Iraq, Hussain al-Shahrastani ketika bercakap pada majlis bidaan yang dikawal ketat di Baghdad itu dilaporkan sebagai berkata, konsortium Shell dan Petronas sudah memperoleh kontrak untuk membangunkan

NEWSPAPER CLIPPING PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION

BERITA HARIAN

DATE: 13/12/2009